

**KAJIAN KE ATAS PENGAMBILAN ECSTASY
DIKALANGAN BELIA DI KUCHING**

OLEH

JOHAN BIN ISHA	98048953
HORONI BT YUSOF	98163099
KHATIJAH BT HASSAN	97348395
NOR HEAZI ASWAL BIN NOR BANI	97384710

Kertas Projek Ini Dikemukakan Kepada Fakulti Pentadbiran Dan Undang-Undang

Universiti Teknologi Mara Untuk Memenuhi Keperluan Syarat

Diploma Pentadbiran Awam

SEPTEMBER 2001

Abstrak

Pengambilan ecstasy di kalangan belia pada masa kini adalah sesuatu yang membimbangkan. Ini kerana ecstasy merupakan suatu bahan yang mampu menghadirkan kesan negatif kepada belia dan seterusnya akan menggagalkan usaha kerajaan di dalam menanggani gejala-gejala yang merbahaya.

Walaupun ia belum lagi mencapai tahap yang membimbangkan, namun langkah-langkah drastik perlu diambil di dalam menanggani masalah ini daripada ia terus melarut. Penyelidikan ini adalah difokuskan kepada ***Pengambilan Ecstasy Di Kalangan Belia Di Kuching.***

Di samping itu juga, penyelidikan ini akan mengupas dengan lebih mendalam mengenai permasalahan ini terutamanya dari segi punca berlaku permasalahan ini, kesan-kesan ke atas pengambilan ecstasy kepada diri individu, penguatkuasaan undang-undang yang diguna pakai serta langkah-langkah yang diambil oleh pihak-pihak yang memainkan peranan penting di dalam menanggani permasalahan ini.

Penyelidikan ini telah dijalankan berdasarkan beberapa kaedah seperti temuramah bersama pihak yang melibatkan diri dengan pengambilan ecstasy ini serta temuramah bersama dengan pihak Jabatan Anti Narkotik, pencarian maklumat yang lebih terperinci menggunakan internet, mengikut serta pihak polis di dalam menjalankan aktiviti serbuan di tempat-tempat disyaki dan pengedaran borang kaji selidik kepada pelajar institusi pengajian tinggi awam dan swasta serta orang awam. Semua responden yang terlibat

Isi Kandungan

Kandungan	Mukasurat
Penghargaan	i-ii
Surat Penyerahan	iii
Perakuan	iv
Abstrak	v-vi
Kandungan	vii-viii
Senarai Jadual	ix
Senarai Rajah	x
Senarai Daftar Istilah Dadah	xi-xv

Bab 1 Pengenalan

1.1 Pengenalan Kajian	1-3
1.2 Objektif Kajian	4
1.3 Skop Kajian	5-6
1.4 Hipotesis	7-8
1.5 Penyata Masalah	9-10
1.6 Kepentingan Kajian	11-12
1.7 Batasan Kajian	13-14
1.8 Methodologi	15-17
1.9 Tinjauan Literature	18-22
1.10 Latarbelakang Kajian	23-25

Bab 2 Perundangan Berkaitan Dengan Dadah (Termasuk Pil Ecstasy) Di Malaysia

2.1 Pengenalan	26-28
2.2 Prinsip Undang-Undang Dadah Yang Terpakai	29-36
2.3 Penyalahgunaan Dadah Dari Sudut Hukum Islam	37-44

Bab 3 Analisis Data

3.1 Hasil Analisis Data	45-58
3.2 Kesimpulan	59-60

Bab 4 Penemuan Kajian

4.1 Faktor-faktor Pendorong	61-67
4.2 Peranan Dan Langkah Mengatasi	68-77

1.2 Objektif Kajian

Kami telah menjalankan kajian kes terhadap pengambilan ecstasy di kalangan belia di Kuching adalah untuk mencapai objektif ataupun matlamat kami. Di antara matlamat-matlamat kami ialah seperti berikut :

- (i) untuk mengenal pasti faktor-faktor yang mendorong serta punca para belia boleh melibatkan diri dalam pengambilan ecstasy .
- (ii) Untuk mengkaji peranan pihak-pihak tertentu seperti pihak ibubapa masyarakat serta agensi kerajaan dan swasta dalam menangani masalah ini.
- (iii) Untuk mengenalpasti dan menganalisa kesan-kesan ataupun akibat yang timbul daripada aktiviti pengambilan ecstasy ini di kalangan belia.
- (iv) Untuk mengetahui penjelasan yang lebih lanjut mengenai perkembangan pengambilan ecstasy di kalangan belia di Kuching daripada pihak-pihak yang terlibat.
- (v) Untuk mengetahui kumpulan belia manakah yang terlibat dalam pengambilan ecstasy ini sama ada dari segi jantina, umur dan bangsa.

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pengenalan Kajian

‘Ecstasy’ adalah sejenis dadah yang juga dipanggil sebagai MDMA (3,4 methylene – Dioxy – methamphetamine), yang bentuk asalnya ditemui dalam bentuk ‘nutmeg’ dan minyak ‘sassafras’. Penemuan awal ecstasy ialah sekitar tahun 1912 dan dikeluarkan dalam bentuk appetite pada tahun 1914 oleh satu syarikat di Jerman. Ia tidak pernah dikeluarkan di dalam bentuk yang komersil oleh syarikat pengeluaran dadah tetapi digunakan oleh ahli psikoterapi Amerika pada tahun 1970 sebagai satu bahan perubatan untuk kegunaan terapi. Ia mula disalahgunakan pada sekitar tahun 1980 dan ia telah mula meluas pada tahun 1995. Pengeluar pertama terbesar ialah Holland, Eropah. Pengambilan ecstasy ini mula dikesan di Malaysia adalah sekitar tahun 1995.

Ecstasy adalah sejenis dadah lembut dan biasanya diletakkan didalam bentuk tablet di mana ia sentiasa berubah mengikut warna dan saiz. Bentuk atau jenama ecstasy yang berlainan dijual dengan nama yang berlainan iaitu mengikut lambang yang ada pada tablet tersebut. Contoh jenama ecstasy yang pertama dikeluarkan adalah seperti ‘Love Doves’ dan ‘New Yorkers’. Kini , jenama ecstasy yang biasanya digunakan di Malaysia khususnya Kuching adalah seperti Happy Five, Thai Ci , Ying Yang dan pelbagai lagi.

Ecstasy yang berbentuk kapsul juga boleh diperolehi tetapi ia memberi risiko yang tinggi dan ada juga ditambah dengan jenis dadah-dadah yang lain seperti